

# fast-forwarding

**into the future**

*melangkah pantas ke hadapan*

# WE LEAD

# KAMI MENERAJUI





**On behalf of the Board of Directors,** I am pleased to present the Eleventh Annual Report and Audited Accounts of Gamuda Berhad for the financial year ended 31 July 2001.

## BUSINESS ENVIRONMENT

An open, trade-oriented economy like Malaysia's will continue to be influenced by the ebb and flow of the global economy. But we believe Malaysia's economic fundamentals to be strong and the country will continue to be on track for sustainable long-term growth. It was the same conditions that allowed Malaysia to recover earlier than our neighbours from the major economic contraction of 1998.

For the year just ended, Gamuda chalked up a net profit of RM191.7 million and an earnings per share of 29 sen compared to a net profit of RM146.8 million or 23 sen per share in the same period for the previous year.



**Saya bagi pihak Lembaga Pengarah** dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Kesebelas dan Akaun Gamuda Berhad yang telah Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2001.

## PERSEKITARAN PERNIAGAAN

Sebuah ekonomi terbuka berorientasikan perdagangan seperti ekonomi Malaysia sudah tentu akan dipengaruhi oleh pasang surut dan aliran ekonomi global. Walau bagaimanapun, kami percaya bahawa fundamental ekonomi Malaysia adalah teguh dan negara kita akan terus berada di landasan yang tepat bagi mencapai pertumbuhan jangka panjang yang mampan. Keadaan seperti inilah juga yang telah membolehkan Malaysia mencapai pemulihan daripada penguncupan ekonomi yang ketara pada tahun 1998 lebih awal berbanding jiran-jirannya yang lain.

Bagi tahun yang baru sahaja berakhir, Gamuda mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM191.7 juta dan pendapatan sesaham sebanyak 29 sen berbanding keuntungan bersih sebanyak RM146.8 juta atau 23 sen sesaham sepanjang tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Prestasi Kumpulan yang bertambah baik ini bukan sahaja disebabkan oleh keputusan Kumpulan daripada aktiviti perniagaannya yang telah bertambah baik, malah turut disebabkan oleh persekitaran perniagaan keseluruhan yang menggalakkan. Dasar fiskal dan kewangan Kerajaan yang mendorong pertumbuhan pada tahun 2001 telah meresapi ke seluruh ekonomi untuk menjana pertumbuhan yang lebih teguh dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan.

Walaupun menghadapi persaingan hebat dalam industri pembinaan, Gamuda mampu mempertingkatkan pendapatannya dalam sektor pembinaan melalui buku pesanan yang bernilai RM1.8 bilion. Syarikat terlindung daripada kesan volatiliti di pasaran kerana memiliki nilai buku pesanan yang tinggi dan menikmati pendapatan berulang daripada konsesi air dan tol.

*Y Bhg Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim*
***Chairman*** ***Pengerusi***








Pengalaman luas kami dalam bidang kejuruteraan awam dan perniagaan pembinaan yang digabung dengan falsafah berhemat, pasukan pengurusan yang unggul dan keteguhan kunci kira-kira telah bersama-sama membolehkan Kumpulan mencipta nama sebagai sebuah Kumpulan yang berwibawa, inovatif dan efektif dari segi kos.

The improved performance of the Group is due not only to the Group's better results from its activities, but the overall encouraging business environment. In 2001 the Government's expansionary fiscal and monetary policies filtered through the economy in terms of stronger growth in the construction and service sectors.

Despite tough competition in the construction industry, Gamuda has managed to boost its construction earnings through its order book of RM1.8 billion. The Company is shielded from the volatility in the market because of this large order book and the recurring income from water and toll road concessions.

Our years of experience in the civil engineering and construction business, combined with a philosophy of prudence, a sound management team, and a strong balance sheet, have together enabled the Group to achieve its reputation for reliability, innovation and cost effectiveness.

## FINANCIAL PERFORMANCE

For the financial year ending July, Gamuda's turnover for the period increased by 30 percent, with pre-tax and net profit increasing by 34 percent and 31 percent respectively. In addition to the income from construction, our results were further bolstered by increased contributions from our toll road and water concessions earnings which provide a steady income base for the Group. The improved overall performance was also helped by timely progress of fast-tracking construction works on the SSP3 water project and the completion of Packages A and B of the SPRINT Highway.

Construction continues as the biggest contributor to the Group's profit before tax (PBT), with about RM125.6 million or 46 percent of total PBT. Income from infrastructure concessions contributed RM106.4 million or 39 percent of pre-tax profit while property increased its contribution to 9.7 percent of pre-tax profit at RM27 million, compared with RM17 million last year. The balance of 5 percent PBT was contributed by manufacturing and others.

## PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir Julai, Gamuda berjaya mencatat pertambahan perolehan sebanyak 30 peratus, dengan keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak 34 peratus dan keuntungan bersih sebanyak 31 peratus. Selain daripada pendapatan yang diperolehi daripada pembinaan, keputusan kami diperkukuhkan lagi oleh sumbangan yang semakin meningkat daripada pendapatan konsesi tol dan air yang menyediakan asas pendapatan mantap kepada Kumpulan. Prestasi keseluruhan yang bertambah baik ini telah dipertingkatkan lagi oleh kerja-kerja pembinaan yang dijalankan secara fast-track bagi projek air SSP3 dan penyiapan Pakej A dan B Lebuhraya SPRINT.

Pembinaan terus menjadi penyumbang terbesar kepada keuntungan sebelum cukai (PBT) Kumpulan dengan kira-kira RM125.6 juta atau 46 peratus daripada jumlah PBT. Pendapatan daripada konsesi infrastruktur menyumbang RM106.4 juta atau 39 peratus kepada keuntungan sebelum cukai, sementara hartanah pula mempertingkatkan sumbangannya kepada 9.7 peratus atau RM27 juta kepada keuntungan sebelum cukai berbanding RM17 juta pada tahun lepas. Sementara baki 5 peratus PBT adalah hasil sumbangan bahagian perkilangan dan lain-lain.

# WE FACILITATE

# KAMI MEMUDAHCARA





Significantly, the Group has succeeded to achieve growth despite the 1997 financial crisis and the ensuing slowdown. Our strategy of innovation and making an entry into water-related activities has ensured that our momentum of growth will not be affected. All major divisions showed strong growth. Overall, associate earnings from toll roads, water treatment and property grew by 66 percent.

The major business activities during the year were:

- Construction
- Infrastructure Concessions
- Property Development
- Manufacturing and Others

## CONSTRUCTION

This sector, contributing 46 percent of total pre-tax profit, continues to be the major profit driver for the Group with main earnings from the construction of Packages A and B of the SPRINT Highway. Both Packages; the Damansara Link and the Kerinchi Link, were recently completed six months ahead of schedule. Works have now begun on the RM420 million Package C (the Penchala Link), and this spine road will give a fillip to urban development in the Penchala, Bukit Lanjan and Sungai Buloh area. It includes a 700-metre twin tunnel and will be completed in 36 months.

Construction of the RM2.1billion Sungai Selangor Water Supply Scheme Phase 3 (SSP3), the last major water resource in the state of Selangor, commenced in early 2000 and is ahead of schedule. As at August 2001, the Rasa water treatment plant has been completed and will be fully operational by end of 2001.

Walaupun menempuh detik sukar akibat krisis kewangan pada tahun 1997 dan kesan kemelesetan selepasnya, namun Kumpulan berjaya mencapai pertumbuhan ketara. Strategi kami yang berteraskan inovasi dan langkah memasuki ke dalam aktiviti berkaitan air telah memastikan momentum pertumbuhan kami tidak terjejas. Semua bahagian menampilkan pertumbuhan yang memberangsangkan. Secara keseluruhan, pendapatan syarikat-syarikat bersekutu daripada jalan bertol, loji rawatan air dan hartanah menikmati pertumbuhan sebanyak 66 peratus.



*Lidwina Anak Gaong*

***Site Engineer*** ***Jurutera Tapak***












Aktiviti perniagaan utama pada tahun ini meliputi:

- Pembinaan
- Konsesi Infrastruktur
- Pembangunan Hartanah
- Perkilangan dan Lain-lain

**PEMBINAAN**

Sektor ini yang menyumbang sebanyak 46 peratus kepada jumlah keuntungan sebelum cukai terus menjadi pendorong keuntungan utama kepada Kumpulan dengan pendapatan utamanya adalah daripada pembinaan Lebuhraya SPRINT Pakej A dan B. Kedua-dua Pakej; Hubungan Damansara dan Hubungan Kerinci telah disiapkan baru-baru ini iaitu enam bulan lebih awal daripada yang dijadualkan. Kini kerja telah dimulakan ke atas Pakej C bernilai RM420 juta (Hubungan Penchala) dan jalan tulang belakang ini akan mendorong pembangunan kawasan bandar di Penchala, Bukit Lanjan dan Sungai Buloh. Projek ini meliputi sebuah terowong berkembar sepanjang 700 meter dan akan disiapkan dalam tempoh 36 bulan.

Pembinaan bagi Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) bernilai RM2.1 bilion, sumber air utama di negeri Selangor, telah dimulakan pada awal tahun 2000 dan mendahului jadual. Menjelang bulan Ogos 2001, loji rawatan air Sungai Rasa telah disiapkan dan akan beroperasi sepenuhnya menjelang akhir tahun 2001.

**Lebuhraya SPRINT**

Lebuhraya SPRINT, lebuhraya bertol ketiga dalam Kumpulan, adalah sebuah sistem rangkaian jalanraya bandar bertol terbuka sejauh 26 km di sebelah barat Kuala Lumpur. Kini, ia mempunyai 11 persimpangan bersilang yang membolehkan pemandu menikmati pemanduan yang lebih mudah, pantas dan selamat melalui Hubungan Damansara dan Hubungan Kerinchi. Hubungan Kerinchi menampilkan struktur dua tingkat yang menyediakan hubungan paling pendek antara Lebuhraya Persekutuan ke Jalan Damansara dan NKVE di Jalan Duta. Hubungan Damansara ini menghubungkan Petaling Jaya ke Jalan Semantan. Pembinaan kedua-dua hubungan ini bermula pada tahun 1999 dan siap pada bulan Jun tahun ini. Hubungan ketiga Lebuhraya SPRINT iaitu Hubungan Penchala akan mempunyai sebuah terowong berkembar sepanjang 700 meter dan menyediakan hubungan terus antara koridor Sungai Buloh-Damansara ke Mont Kiara/Duta. Ia akan disiapkan pada tahun 2003.

**SPRINT Highway**

The SPRINT Highway, the third toll highway within the Group, is an open toll 26km urban road network system in the west of Kuala Lumpur. Currently it has 11 interchanges allowing for convenient, faster and safer travel for motorists on both the Damansara and Kerinchi Links. The Kerinchi Link features a double-deck structure providing the shortest connection between the Federal Highway to Jalan Damansara and the NKVE in Jalan Duta. The Damansara Link connects Petaling Jaya to Jalan Semantan. Construction on these two links began in 1999 and they were completed in June this year. The third link of the SPRINT Highway, the Penchala Link will feature a 700m twin tunnel and provides a direct link for Sungai Buloh-Damansara corridor to Mont Kiara/Duta. It will be completed in 2003.

# WE CREATE

# KAMI MENCIPTA





**Sungai Selangor Water Supply Scheme Phase 3 (SSP3)**

Construction of the SSP3, consisting of a regulating dam and reservoir in Kuala Kubu Baru, water intake and treatment plants in Rasa and Bukit Badong, and the realignment of the KKB-Bukit Fraser road, began in 2000. Carried out in stages, the RM2.1 billion project will be completed in 2004.

The progress achieved to date is about a third of the development. The realignment of a section of KKB-Bukit Fraser road has been completed and was opened to traffic in September 2001. The diversion tunnel, which is part of the Sungai Selangor Dam has also been completed. As at September 2001, the progress achieved for the Sungai Selangor dam was 33 percent, while 34 percent of Bukit Badong which comprises of a river-intake and treatment plant has been completed.

**India Highway**

We have secured a road up-grading project in India that will generate an estimated RM300 million worth of construction work for the Company. The 63km national highway project between Panagarh and Palsit in the eastern India state of West Bengal will be built under a 15-year concession awarded by the Indian Government.

**Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3)**

Pembinaan SSP3 yang meliputi sebuah empangan kawalan dan tempat simpanan air di Kuala Kubu Baru, loji pengambilan dan rawatan air di Rasa dan Bukit Badong serta penjajaran semula Jalan KKB-Bukit Fraser telah dimulakan pada tahun 2000. Projek bernilai RM2.1 bilion yang dijalankan secara berperingkat ini akan disiapkan pada tahun 2004.

Sehingga kini, ia telah mencapai kira-kira satu pertiga peringkat penyiapan. Penjajaran semula satu bahagian di Jalan KKB-Bukit Fraser telahpun disiapkan dan dibuka kepada lalu lintas pada bulan September, 2001.Terowong lencongan yang merupakan sebahagian daripada Empangan Sungai Selangor telahpun disiapkan. Pada bulan September 2001, pembinaan Empangan Sungai Selangor telah mencapai peringkat 33 peratus siap, sementara pembangunan loji pengambilan dan rawatan air sungai di Bukit Badong telah mencapai tahap 34 peratus siap.

**Lebuhraya India**

Kami telah memperolehi projek peningkatan taraf jalan di India yang akan menjana kerja pembinaan bernilai kira-kira RM300 juta kepada Syarikat. Projek lebuhraya kebangsaan sejauh 63 km antara Panagarh dan Palsit di negeri Bengal Barat di timur India ini dibina di bawah sebuah konsesi selama 15 tahun yang diberikan oleh Kerajaan India.

*Our highways save time*

*Lebuhraya kami menjimatkan masa*













## KONSESI INFRASTRUKTUR

Sektor ini dijangka akan menyediakan sumbangan yang lebih besar kepada hasil Kumpulan. Pada tahun yang baru sahaja berakhir, konsesi tol dan rawatan air memberi sumbangan yang lebih tinggi kepada pendapatan. Tol menyumbang 23 peratus kepada keuntungan sebelum cukai sementara rawatan air pula menyumbang sebanyak 15 peratus. Kedua-dua sumber hasil ini akan tetap menyediakan asas pendapatan yang stabil dan berulang kepada Kumpulan. Lebuhraya SPRINT merupakan sumber hasil tol yang terbaru bagi Kumpulan. Secara keseluruhan, hasil tol daripada operasi lebuhraya mendapat manfaat daripada pertambahan volum trafik dan hakikatnya, lebuhraya Kumpulan merupakan hubungan bandar yang penting di koridor barat Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

## INFRASTRUCTURE CONCESSIONS

It is envisaged that this sector will increasingly contribute higher earnings to the Group's revenue. In the year just ended, there is higher contribution to earnings from the tolling and water treatment concessions. Tolling contributed 23 percent of pre-tax profit while water treatment contributed 15 percent. These two revenue sources will provide the Group with a steady and recurring income base. SPRINT Highway is the most recent source of toll revenue for the Group. Overall, toll revenue from expressway operations has benefited from the increase in traffic volume, and from the fact that its highways are vital urban linkages in the western corridors of Kuala Lumpur and Petaling Jaya.

LITRAK, KESAS and SPRINT are associated companies of Gamuda. LITRAK, the concessionaire for the LDP, is 41 percent owned by Gamuda and was the first highway operator in Malaysia to be listed on the KLSE.

### Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP)

Operated by Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (LITRAK), LDP traffic volume has reached 280,000 vehicles per day. Daily, more vehicles ply its highway as a result of the mushrooming growth of commercial and residential properties along and adjacent to the LDP. This in turn is expected to lead to greater traffic growth on the LDP.

A Highway Capacity Enhancement Plan to accommodate the increasing number of LDP users is being put into place in order to facilitate traffic flow and dispersal, and for smoother travel along the LDP. We expect traffic growth to continue in line with the economic activity of the Klang Valley.

LITRAK, KESAS dan SPRINT merupakan syarikat bersekutu Gamuda. LITRAK, pemegang konsesi LDP, ialah sebuah syarikat 40 peratus milik Gamuda dan merupakan syarikat operasi lebuhraya pertama di Malaysia yang disenaraikan di BSKL.

### Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP)

LDP yang dikendalikan oleh Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (LITRAK) mempunyai volum trafik yang mencapai 280,000 kenderaan sehari. Semakin banyak kenderaan melalui lebuhrayanya setiap hari berikutan pembangunan beberapa hartanah perdagangan dan kediaman yang tumbuh bagai cendawan di sepanjang dan berhampiran LDP. Ini sebaliknya dijangka akan mendorong kepada pertumbuhan trafik di LDP.

Satu Pelan Peningkatan Kapasiti Lebuhraya untuk memenuhi keperluan bilangan pengguna LDP yang semakin bertambah sedang dirangka bagi memudahkan aliran dan penyuraian lalu lintas dan bagi membolehkan kelancaran perjalanan di sepanjang LDP. Kami menjangka akan mencapai kira-kira 10 peratus pertumbuhan trafik pada tahun ini sejajar dengan kepesatan aktiviti ekonomi di Lembah Klang.

# WE EMPOWER

# KAMI MENGAMANAH KUASA





**Lebuhraya Shah Alam (LSA)**

KESAS Sdn Bhd is the concessionaire and expressway operator of LSA, a 34.5km east-west link from Sri Petaling Interchange to Pandamaran Interchange, the access road to Westport near Port Klang. LSA is now registering toll traffic volume of about 220,000 vehicles daily, increasingly becoming a vital route for travel to the south and southwest of the city via the eastern alignment of the Middle Ring Road 2. LSA has been the stimulus for township development and other commercial activities along its corridor that shall in turn promote further use of the highway.

**Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT)**

Completed six months ahead of schedule in June this year, the SPRINT Highway is the Western KL Traffic Dispersal Scheme with three much needed linkages to service traffic through the western corridor of Kuala Lumpur. The Damansara Link and the Kerinchi Link began operation in June and started tolling in September 2001. A 3km, 2-lane parallel toll-free road, the only one of its kind in the country, was also built as an alternative for commuters. The Damansara Link and the Kerinchi Link have a daily traffic volume of about 90,000 vehicles per day.

Construction work has begun on the Penchala Link or Package C of the SPRINT Highway that will provide a faster and direct link for the newly developed Sungai Buloh-Damansara corridor to Mont Kiara and Jalan Duta.

**India Highway**
**- Panagarh-Palsit Road Project**

The concession agreement for the project was signed 21 November 2001. This project involves the upgrading of a two-lane to four-lane 64km highway between Delhi and Calcutta. Total project cost is RM420 million and a special purpose vehicle in which Gamuda has a 50 percent stake will finance, build, operate and maintain the highway. Instead of collecting toll, the Group will be paid annuity over a concession period of 15 years.

**Lebuhraya Shah Alam (LSA)**

KESAS Sdn Bhd, pemegang konsesi yang mengendalikan lebuhraya LSA, sebuah hubungan timur-barat sepanjang 34.5km dari Persimpangan Bersilang Sri Petaling ke Persimpangan Bersilang Pandamaran, jalan akses ke Westport berhampiran Pelabuhan Klang. Kini, LSA mencatatkan volum trafik bertol kira-kira 220,000 kenderaan setiap hari dan semakin menjadi laluan penting bagi perjalanan menuju ke selatan dan barat daya bandaraya melalui penjajaran timur Jalan Lingkaran Tengah 2. LSA menjadi pendorong kepada pembangunan perbandaran di kawasan ini dan pelbagai aktiviti komersial lain di sepanjang koridornya yang sebaliknya akan menggalakkan penggunaan lebuhraya ini.



*We plan for our growth and countinuity*

*Kami merangcang untuk kemajuan dan kesinambungan*








**Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT)**
Lebuhraya SPRINT yang disiapkan enam bulan lebih awal, adalah Skim Penyuraian Trafik KL yang mempunyai tiga hubungan yang amat diperlukan bagi menyediakan kemudahan kepada trafik melalui koridor barat Kuala Lumpur. Hubungan Damansara dan Hubungan Kerinchi telah memulakan operasinya pada bulan Jun dan memulakan pengutipan tol pada bulan September 2001. Hubungan sejauh 3km, dengan 2 lorong selari tanpa tol ini yang merupakan satu-satunya jalan seumpamanya di negara ini juga dibina sebagai jalan alternatif untuk para pemandu yang kerap menggunakan jalan ini. Kini, Hubungan Damansara dan Hubungan Kerinchi mempunyai volum trafik kira-kira 90,000 sehari.

Kerja pembinaan telah dimulakan bagi Hubungan Penchala atau Lebuhraya SPRINT Pakej C yang akan menyediakan hubungan yang lebih pantas dan terus bagi koridor Sungai Buloh-Damansara yang baru dibangunkan ini ke Mont Kiara dan Jalan Duta.

**Lebuhraya India - Projek Jalan Panagarh-Palsit**
Perjanjian konsesi bagi projek ini telah ditandatangani pada 21 November 2001. Projek ini melibatkan peningkatan taraf lebuhraya dua lorong kepada empat lorong sejauh 64 km antara Delhi dan Calcutta. Projek ini melibatkan kos berjumlah RM420 juta dan merupakan satu projek untuk tujuan khusus di mana Gamuda yang memiliki 50 peratus kepentingan di dalamnya akan membiayai, membina, mengendali dan menyenggara lebuhraya ini. Oleh kerana ia tidak akan mengutip tol di lebuhraya ini, Kumpulan akan dibayar anuiti sepanjang tempoh konsesi selama 15 tahun.

**SPLASH**
Di samping merupakan pengendali lebuhraya tol terbesar di Lembah Klang, kini Gamuda telah melancarkan beberapa projek bekalan air. Apabila SSP3 disiapkan sepenuhnya menjelang tahun 2005, Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor atau SPLASH, akan menjadi salah sebuah pengeluar air terbesar di Malaysia dengan SSP1 dan SSP3 mempunyai kapasiti gabungan yang mampu merawat dan membekalkan 2,000 juta liter air sehari. SPLASH ialah sebuah syarikat bersekutu 30 peratus milik Gamuda.

**SPLASH**
Besides being the largest operator of toll highways in the Klang Valley, Gamuda has now embarked on water supply projects. When SSP3 is fully completed in 2005, Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd or SPLASH, will become one of the largest water producers in Malaysia with both SSP1 and SSP3 having the combined capacity to treat and supply 2,000 million litres of water per day. SPLASH is a 30 percent owned associated company of Gamuda.

**PROPERTY DEVELOPMENT**
Building on our expertise in civil engineering and construction, Gamuda, together with DRB-Hicom launched a 1,820-acre township development project in Kota Kemuning, adjacent to the Shah Alam Expressway in 1994. Successful in delivering quality homes and developing a community feeling that is unequaled in the industry, Gamuda has recently launched another township development, Bandar Botanic in Klang and an exclusive residential development, Valencia near the Sungai Buloh Interchange of the North-South Expressway.

**PEMBANGUNAN HARTANAH**
Dengan kepakaran mantap dalam kejuruteraan awam dan pembinaan, Gamuda bersama DRB-Hicom telah melancarkan sebuah projek pembangunan perbandaran seluas 1,820 ekar di Kota Kemuning, di sebelah Lebuhraya Shah Alam pada tahun 1994. Dengan kejayaannya menyerahkan kediaman berkualiti dan membangunkan sebuah suasana kehidupan masyarakat yang tiada tandingannya dalam industri, baru-baru ini Gamuda telah melancarkan satu lagi pembangunan perbandaran iaitu Bandar Botanic di Klang dan sebuah pembangunan kediaman eksklusif, Valencia berhampiran Persilangan Bertingkat Sungai Buloh di Lebuhraya Utara-Selatan.

# WE LISTEN

# KAMI PRIHATIN





In residential/township development the focus is on innovative, lifestyle and quality homes to meet the middle class family's every need, and strategic location in growth corridors of the Klang Valley. Kota Kemuning has sold more than 2,600 units since its re-launch in 1999 and it boasts a championship-standard golf course that for the fourth consecutive year has been the chosen venue for the Volvo Masters of Malaysia.

Bandar Botanic, the second township project, is spread over 1,242 acres in Klang and over 600 units have been booked since its soft launch in July 2001. The high-end 285-acre development of Valencia is in an exclusive neighbourhood near Sungai Buloh with the country's first residents' only golf course.

Gamuda Land, the Group's property division, is building on our tradition of delivering excellence by value-adding and providing innovative solutions to serve our customers better. This financial year, property earnings improved, contributing 10 percent of the Group's total earnings.

Kumpulan memberikan fokus utama terhadap inovasi, gaya hidup dan kualiti kediaman dalam aktiviti pembangunan kediaman/perbandarannya bagi memenuhi setiap keperluan keluarga kelas pertengahan dan kedudukan lokasi yang strategik di koridor pertumbuhan Lembah Klang. Sejak dilancarkan semula pada tahun 1999, sebanyak 2,600 unit kediaman Kota Kemuning berjaya dijual dan ia boleh berbangga mempunyai sebuah padang golf bertaraf antarabangsa kerana ia telah dipilih sebagai tempat bagi pertandingan Volvo Masters of Malaysia untuk tahun keempat berturut-turut.

Bandar Botanik, projek perbandaran kedua, terbentang di kawasan seluas 1,242 ekar di Klang dan lebih 600 unit telah ditempah sejak pelancaran awalnya pada bulan Julai 2001. Pembangunan Valencia seluas 285 ekar untuk kelas atasan pula terletak di sebuah kejiranan eksklusif berhampiran Sungai Buloh dan ia mempunyai satu-satunya padang golf khusus untuk penduduk yang pertama di negara ini.

Gamuda Land, bahagian hartanah Kumpulan, membina tradisi Kumpulan mempertingkatkan tahap kecemerlangan dengan menambah nilai dan menyediakan penyelesaian inovatif untuk menyediakan perkhidmatan lebih baik kepada para pelanggan. Pada tahun kewangan ini, bahagian hartanah mencatat peningkatan dengan menyumbangkan 10 peratus daripada jumlah pendapatan Kumpulan.



*Liew Sheong Perk*

***IT Executive*** ***Eksekutif IT***









## PERKILANGAN

Dalam bidang perkilangan, Gamuda terlibat dalam operasi perkuarian, pengilangan kertas salinan tanpa karbon, pembuatan bateri boleh dicas semula polimer lithium, sewa loji pembinaan dan perkhidmatan maklumat.

Sumbangan **Mega Sewa** telah meningkat dengan ketara disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi bagi penyewaan loji dan peralatan. Kerja-kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan di Pakej C dan SSP3 akan memastikan ia mempunyai aliran pendapatan yang kukuh untuk tempoh beberapa tahun akan datang.

**G B Kuari** merupakan sebuah pembekal premix dan agregat berkualiti untuk pembinaan jalan dan kerja-kerja penyenggaraan dan telah mencapai keputusan yang memuaskan berikutan kecekapan yang semakin baik. Penyambungan projek infrastruktur di negeri Perak seperti Lebuhraya Ipoh-Lumut dan landasan keretapi dua hala Ipoh-Rawang akan melonjakkan permintaan produk kuari.

## MANUFACTURING & OTHERS

Gamuda has several businesses involved in quarrying, the manufacture of carbonless copy paper, manufacture of polymer lithium ion rechargeable batteries, construction plant hire, and information services.

**Megah Sewa's** contribution increased significantly as a result of higher demand for construction plant and equipment hire. On-going works at Package C and SSP3 will ensure its steady stream of earnings for the next few years.

**G B Kuari** is a supplier of quality premix and aggregates for road construction and maintenance works and has had a satisfactory year on improved efficiency. The revival of infrastructure projects in the state of Perak such as the Ipoh-Lumut Expressway and the Ipoh-Rawang railway double-tracking should boost demand for quarry products.

Despite a more volatile market caused by dumping by importers, **Gamuda Paper Industries (GPI),** has managed to improve its turnover and maintain its market leader position in the manufacture of non-carbon required (NCR) paper.

**Dyna Plastics,** the manufacturer of polymer lithium ion batteries is entering the final phases of commissioning its automated production facilities, expected by the end of the year.

**GIT Services,** which is a wholly-owned subsidiary, has been tasked to implement IT solutions and e-business models for the Group. The experience obtained by GIT from constructing a digital foundation for Gamuda's business activities – from decision-making on technical matters, better designs, faster response and turnaround time for our construction projects will be invaluable for the Group as a whole. GIT designed and developed the central processing system for electronic payment for LITRAK, SPRINT and KESAS. It also recently launched the first phase of the e-Project Portal for our construction subsidiary, Gamuda Engineering to combine web-based technologies with our business processes.

Walaupun menghadapi keadaan pasaran yang lemah akibat lambakan oleh para pengimport, **Gamuda Paper Industries (GPI)** berupaya memperbaiki perolehannya dan mengekalkan kepimpinannya di dalam pengilangan kertas tidak memerlukan karbon (NCR).

**Dyna Plastics,** pengilang bateri polimer lithium ion sedang memasuki fasa akhir pentauliahan langkah automasi kemudahan pengeluarannya yang dijangka akan dilaksanakan menjelang akhir tahun ini.

**(GIT Services)**, yang merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh Gamuda, telah ditugaskan untuk melaksanakan penyelesaian IT dan beberapa model e-perniagaan bagi Kumpulan. Pengalaman yang diperolehi oleh GIT daripada pembinaan asas digital untuk berbagai aktiviti perniagaan Gamuda – daripada membuat keputusan mengenai perkara-perkara teknikal, rekabentuk lebih baik, tindak balas lebih pantas dan masa pusing ganti bagi projek-projek pembinaan kami akan memberi nilai yang amat tinggi kepada Kumpulan secara keseluruhannya. GIT telah merekebantuk dan membangunkan sistem pemprosesan sepusat untuk pembayaran secara elektronik bagi LITRAK, SPRINT dan KESAS. Baru-baru ini ia juga telah melancarkan fasa pertama Portal e-Projek untuk syarikat subsidiary pembinaan kami, Gamuda Engineering dalam usaha sistematik untuk menggabungkan teknologi berasaskan web dengan proses perniagaan kami.

# WE INSPIRE

# KAMI MENCETUS ILHAM





## HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

Our Group has been driven by entrepreneurship but a critical element of our growth has been the competitiveness of our workforce. Gamuda invests in and develops its people. We believe that new ideas, knowledge and expertise are the true engines of growth. To enhance the talent and inventiveness of our employees, the Gamuda Learning Center provides training workshops and seminars for all levels and categories of staff throughout the year. Our main challenge is to ensure high professional standards in the construction industry and in line with this a special training school with an initial investment of RM10 million was set up to train crane operators and upgrade the skills and safety practices of construction workers. Gamuda Plant Operator School (GPOS), established in 1997 is recognised and accredited by DOSH (Department of Occupational Safety and Health) and CIDB (Construction Industry Development Board) and to date has trained 11,000 workers both from within and from around the country.



## PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Sejak sekian lama, semangat keusahawanan telah menjadi pendorong kepada Kumpulan kami, namun unsur penting dalam pertumbuhan kami adalah daya saingan yang dimiliki oleh warga kerja kami. Gamuda melabur dalam dan memajukan tenaga manusianya. Kami percaya bahawa idea-idea baru, ilmu pengetahuan dan kepakaran menjadi penggerak pertumbuhan yang sebenar. Bagi mempertingkatkan bakat dan daya penciptaan kakitangan kami, Gamuda Learning Center menyediakan berbagai bengkel latihan dan seminar untuk semua peringkat dan kategori pekerja sepanjang tahun ini. Cabaran utama yang kami hadapi adalah untuk memastikan bahawa standard profesional yang tinggi wujud di dalam industri pembinaan dan selaras dengan matlamat tersebut, sebuah sekolah latihan khas dengan pelaburan permulaan berjumlah RM10 juta telah ditubuhkan bagi melatih operator kren dan mempertingkatkan kemahiran serta amalan keselamatan di kalangan para pekerja pembinaan. Sejak penubuhannya pada tahun 1997, Gamuda Plant Operator School (GPOS) yang diiktiraf dan diakreditasi oleh DOSH (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) dan CIDB (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan) telah melatih seramai 11,000 pekerja dari seluruh negara sehingga kini.

*Koh Chun Yuen*
***Supervisor*** ***Penyelia***










Baru-baru ini, Kumpulan telah memulakan inisiatif untuk memberi Anugerah Pengurusan Terbaik kepada kakitangannya dalam enam kategori (perancang terbaik, kualiti terbaik, inovasi terbaik, keusahawanan terbaik, jurulatih terbaik dan pelajar terbaik) sebagai mengiktiraf usaha individu dan pasukan yang telah menampilkan kecemerlangan dalam pekerjaan mereka.

## TANGGUNGJAWAB KORPORAT KAMI

Berdasarkan rangka kerja peranan ekonomi dan perniagaan, kami juga bertekad untuk memenuhi matlamat sosial demi kebaikan masyarakat umum. Penubuhan GPOS sebagai sebuah pusat latihan vokasional bukan bermatlamat mencari keuntungan menggambarkan kesungguhan matlamat kami ini. Kini, ia menyediakan latihan berkaitan piawaian keselamatan dan amalan terbaik kepada para pekerja dalam industri pembinaan.

The Group recently instituted the practice of giving Best Management Awards to its employees for six categories (best planner, best quality, best innovation, best entrepreneurship, best trainer and best learner) that gives recognition to individuals and teams who have made breakthrough accomplishments in their work.

## OUR CORPORATE RESPONSIBILITY

Within the framework of our economic role and business, we also endeavour to pursue social objectives in the interest of the larger good. The setting up of GPOS as a non-profit vocational training center has this overriding aim. It now provides training on safety standards and best practices to workers in the construction industry.

We also take the long-term view of awarding scholarship grants to outstanding Malaysian students. Since the programme started in 1996, Gamuda has given scholarships to 44 students in foreign and local universities. This year the Group awarded scholarship grants to six top students, three studying in local universities and three abroad. They were selected by an independent committee for their academic and all round excellence but without sufficient financial means.

## DIVIDEND

Gamuda has declared a final dividend per share of 4 sen less tax of 28 percent. Together with an earlier interim dividend per share of 4 sen per share, tax exempt, the total gross dividend per share for the period is 8 sen.

Kami juga mempunyai wawasan jangka panjang melalui penganugerahan biasiswa kepada pelajar Malaysia yang berprestasi cemerlang. Sejak program ini dimulakan pada tahun 1996, Gamuda telah menyumbangkan biasiswa kepada 44 orang pelajar untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan dan luar negeri. Pada tahun ini, Kumpulan telah menyampaikan biasiswa kepada enam pelajar cemerlang, tiga daripada mereka melanjutkan pelajaran di univerisiti tempatan manakala tiga lagi di universiti luar negeri. Mereka dipilih berdasarkan prestasi akademik masing-masing dan bakat serba boleh yang cemerlang, tetapi tidak mempunyai kemampuan dari segi kewangan.

## DIVIDEN

Gamuda telah mengisytiharkan dividen akhir sesaham sebanyak 4 sen ditolak 28 peratus cukai. Bersama-sama dengan dividen interim yang terdahulu sebanyak 4 sen sesaham dikecualikan cukai, jumlah dividen kasar sesaham bagi tempoh ini adalah sebanyak 8 sen.

# WE RESPOND



# KAMI BERTINDAKBALAS

## PROSPECTS FOR 2002

The Group expects the construction industry to gain from the Government's development expenditure in Budget 2002. Its emphasis on social infrastructure – construction of hospitals, housing, water and electricity supply – and major infrastructure projects including the construction of new airports, bridges, flood mitigation, upgrading of trunk roads have tremendous multiplier impact and will stimulate growth.

We anticipate water concession earnings to improve with increasing contribution from SSP3 in the next few years. The recent acquisition of 80 percent stake in Gamuda Water (formerly known as The Sweet Water Management) which will operate and maintain SSP3 – will boost Gamuda's strength in the water treatment business.

## PROSPEK BAGI 2002

Kumpulan menjangka industri pembinaan akan mendapat kelebihan daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan dalam Belanjawan 2002. Penekanan yang diberi terhadap infrastruktur sosial – pembinaan hospital, perumahan, bekalan air dan elektrik – dan berbagai projek infrastruktur utama yang merangkumi pembinaan lapangan terbang baru, jambatan, pengawalan banjir, peningkatan jalan sampingan mempunyai kesan berganda yang besar dan akan merangsang pertumbuhan.



*Linda Lim,*
***Senior Sales Manager***
*with a client*

*Linda Lim,*
***Pengurus Jualan Kanan***
*dengan pelanggan*








Kami menjangka pendapatan konsesi air akan meningkat dalam tempoh beberapa tahun akan datang berikutan sumbangan yang semakin baik daripada SSP3. Pengambilalihan 80 peratus kepentingan di dalam Gamuda Water (dahulu dikenali sebagai The Sweet Water Management) yang akan mengendali dan menyelenggara SSP3 – akan mengukuhkan lagi penglibatan Gamuda dalam perniagaan rawatan air.

Kami mengakui kepentingan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dan sentiasa berusaha memperbaiki amalan tadbir urus korporat yang baik. Pada masa hadapan, Kumpulan optimistik akan berjaya mencatat keputusan yang baik pada tahun 2002 kerana kami telahpun memulakan beberapa inisiatif untuk mengekalkan pertumbuhan teguh dan mempertingkatkan kecekapan operasi kami.

PENGHARGAAN

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan yang telah memberi sokongan dan komitmen padu. Prestasi membanggakan yang kita capai pada tahun 2001 adalah hasil daripada semangat berpasukan dan ketekunan yang anda sekalian tampilkan. Hakikatnya, sumber manusia kekuatan kami menjadi asas sejak 25 tahun penglibatan kami dalam perniagaan.

We recognise the importance of high standards of corporate governance and will continuously endeavour to improve good corporate governance practices. Looking ahead, we are optimistic that the Group will do well in 2002 as we have already embarked on several initiatives to sustain strong growth and further improve our operational effectiveness.

ACKNOWLEDGMENTS AND APPRECIATION

On behalf of the Board I would like to thank the management and staff for their relentless support and commitment. Our commendable performance in 2001 is the result of teamwork and hard work. Truly, our people are our strength in the past 25 years of business.

I would like to welcome the following new non-executive members to the Board of Directors: Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ramli Kushairi, Y M Raja Dato' Seri Abdul Aziz Raja Salim, Y Bhg Datuk Ab Rahman Omar and Tuan Haji Azmi Mat Nor join the Board as Executive Director. They have been involved in government and industry, thus they bring breadth and depth to the Gamuda Board with their invaluable experiences.

Lastly, the Board records our gratitude to all customers, government authorities and agencies for their assistance, cooperation and support. To our shareholders, we pledge our commitment of further enhancing shareholder value.

Tan Sri Dato' Ir Talha Haji Mohd Hashim
**Chairman**

Saya dengan sukacitanya mengalu-alukan para ahli bukan eksekutif baru yang berikut ke dalam Lembaga Pengarah: Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ramli Kushairi, Y M Raja Dato' Seri Abdul Aziz Raja Salim dan Y Bhg Datuk Ab Rahman Omar. Sementara itu, Tuan Haji Azmi Mat Nor menyertai Lembaga Pengarah sebagai seorang pengarah eksekutif. Mereka pernah berkhidmat dalam kerajaan dan industri dan dengan demikian memberikan manfaat yang luas dan mendalam kepada Lembaga Pengarah Gamuda melalui pengalaman mereka yang amat bernilai itu.

Akhir sekali, Lembaga Pengarah ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pelanggan, pihak-pihak berkuasa dan agensi negeri yang telah memberi kerjasama dan sokongan kepada kami. Kepada para pemegang saham sekalian, kami berikrar akan memenuhi komitmen kami untuk mempertingkatkan lagi nilai pemegang saham.

Tan Sri Dato' Ir Talha Haji Mohd Hashim
**Pengerusi**

WE

KAMI MENJALIN HUBUNGAN



# REACH

56 GAMUDA CORPORATE EVENTS 2001 *ACARA KORPORAT GAMUDA 2001*

## January *Januari*

**11**

Gamuda Berhad holds its 24th AGM and EGM at Kota Permai Golf & Country Club.

Gamuda Berhad mengadakan AGM dan EGMnya yang ke 24 di Kota Permai Golf & Country Club.

## March *Mac*

**16**

G B Kuari, a subsidiary of Gamuda, obtains MS 1S0 14001 certification from SIRIM for its environment friendly system.

G B Kuari, sebuah syarikat subsidiari Gamuda memperolehi sijil MS ISO 14001 daripada SIRIM bagi sistemnya yang mesra alam.

## June *Jun*

*28 June* *Jun*



**28**

Y B Dato' Seri S Samy Vellu opens new SPRINT Highway.

Y B Dato' Seri S Samy Vellu merasmikan Lebuhraya SPRINT yang baru.

**29**

Megah Sewa, a subsidiary of Gamuda, achieves MS ISO 9002 accreditation for its quality system in the provision of rental and maintenance services in plant and equipment hire.

Megah Sewa, sebuah syarikat subsidiari Gamuda, memperolehi akreditasi MS ISO 9002 bagi sistem kualitinya dalam menyediakan khidmat penyenggaraan loji dan sewa peralatan.

*29 June* *Jun*




## August *Ogos*

**1**

Two Directors retire; Mr Chan Kuan Nam who joined the Board in 1981 and Mr Heng Teng Kuang who became a board member in 1986, resigned in 1988 and reappointed in 1994.

Dua orang Pengarah bersara; En Chan Kuan Nam yang menyertai Lembaga Pengarah pada tahun 1981 dan En Heng Teng Kuang yang menjadi ahli lembaga pada 1986, meletak jawatan pada 1988 dan dilantik semula pada 1994.

**13**

Kota Permai Golf & Country Club hosts the prestigious 2001 Volvo Masters golf championship for the forth consecutive year.

Kota Permai Golf & Country Club menjadi tuan rumah kepada pertandingan Golf Volvo Masters 2001 yang berprestij untuk tahun keempat berturut-turut.

**28**

LITRAK holds its 6th AGM & EGM at Kota Permai Golf & Country Club.

LITRAK mengadakan AGM dan EGM yang ke 6 di Kota Permai Golf & Country Club.

*21 November November*





**6**

SPRINT signs agreement with Arab Malaysian Merchant Bank Berhad for RM1.4 billion project financing facilities.
SPRINT menandatangani perjanjian dengan Arab Malaysian Merchant Bank Berhad untuk kemudahan pembiayaan projek berjumlah RM1.4 bilion.

*11 September September*



**9**

Gamuda launches first phase of e-Project portal, a project that has been jointly developed by GIT Services with IBM Malaysia.
Gamuda melancarkan fasa pertama portal e-Projek, sebuah projek yang dimajukan secara usahasama oleh GIT Services dengan IBM Malaysia.

**20**

Gamuda celebrates its 25th Anniversary.
Gamuda menyambut Ulang Tahun ke 25.

**22**

Three Independent and Non-Executive Directors are appointed: Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ramli Kushairi, Y M Raja Dato' Seri Abdul Aziz Raja Salim, and Y Bhg Datuk Ab Rahman Omar.
Perlantikan tiga orang Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif: Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ramli Kushairi, Y M Raja Dato' Seri Abdul Aziz Raja Salim dan Y Bhg Datuk Ab Rahman Omar.

September *September* | October *Oktober* | November *November*

**9**

SPRINT begins tolling of its completed highways on Jalan Damansara and Kerinchi Link.
SPRINT memulakan operasi pengutipan tol di lebuhrayanya yang telah siap di Jalan Damansara dan Hubungan Kerinchi.

**11**

Minister of Human Resource, Y B Dato' Dr Fong Chan Onn presents scholarship awards to top undergraduate students in local and foreign universities. The honourable Minister also presented certificates of competency to crane operators trained at Gamuda Plant Operator School (GPOS). The certificates are recognised by Malaysia's National Institute of Occupational, Safety and Health.
Menteri Sumber Manusia, Y B Datuk Dr Fong Chan Onn menyampaikan biasiswa kepada penuntut peringkat ijazah di universiti tempatan dan luar negeri yang cemerlang. Yang Berhormat Menteri turut menyampaikan Sijil Kekompetenan kepada pengendali kren yang dilatih di Gamuda Plant Operator School (GPOS). Sijil tersebut diiktiraf oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan Malaysia.

**20**

LITRAK obtains MS ISO 9002:1994 certification from SIRIM for its efficient operations and administrative system.
LITRAK memperolehi sijil ISO MS 9002:1994 daripada SIRIM bagi sistem operasi dan pentadbirannya yang cekap.

**24**

Tuan Haji Azmi Mat Nor is appointed Executive Director to the Board. Mr Chow Chee Wah is appointed Alternate Director to Dato' Lin Yun Ling.
Tuan Haji Azmi Mat Nor dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Lembaga Pengarah. Encik Chow Chee Wah dilantik sebagai Pengarah Pengganti kepada Dato' Lin Yun Ling.

**29**

G B Kuari ranked 25th and receives Enterprise 50 2001 Award for SMIs.
G B Kuari dipilih menduduki tempat ke 25 dan menerima Anugerah Enterprise 50 2001 bagi IKS.

**21**

Concession Agreement signed to undertake the Panagarh-Palsit Highway project in the State of West Bengal in India.
Perjanjian Konsesi ditandatangani bagi pelaksanaan projek Lebuhraya Panagarh-Palsit di Negeri Bengal Barat, India.

*20 October Oktober*



# WE SUPPORT

# KAMI MENYUMBANG





## 16

Menteri Besar Selangor Y A B Dato' Seri Dr Mohamad Khir Toyo officiates the tree planting ceremony at the Orang Asli new village, Kg Gerachi as part of their beautification and landscaping programme prior to shifting in. With Kg Gerachi successfully relocated, SPLASH is now working towards completing the new Kg Pertak.

Menteri Besar Selangor, Y A B Dato' Seri Dr Mohamad Khir Toyo merasmikan acara menanam pokok di kampung baru Orang Asli, Kg Gerachi sebagai sebahagian daripada program pengindahan dan lanskap sebelum mereka berpindah ke sana. Dengan kejayaan pemindahan ke Kg Gerachi, kini SPLASH sedang mengusahakan perpindahan ke kampung baru Pertak pula.

*16 April* *April*



## February *Februari*

## April *April*

## May *Mei*

## 4

Opening of Le Tour de Langkawi, an annual cycling event with participants from around the globe, where Gamuda Berhad is one of the main corporate sponsors. Y A B Prime Minister, Dr Mahathir Mohamad officiated the Opening.

Pelancaran Le Tour de Langkawi, acara lumba basikal tahunan yang disertai oleh para pelumba dari seluruh dunia di mana Gamuda merupakan salah satu penaja utama. Y A B Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad telah merasmikan upacara pelancaran tersebut.

*8 May* *Mei*



## 8

Y B Dato' Seri S Samy Vellu, Minister of Works, launches SPRINT community programme at SMK Sri Hartamas and officiates the opening of the pedestrian bridge build for the school. Committed to the safety of the schoolchildren, SPRINT has built a total of nine pedestrian bridges on its highway, five more than what was required in the concession agreement.

Y B Dato' Seri S Samy Vellu, Menteri Kerja Raya, melancarkan program komuniti SPRINT di SMK Sri Hartamas dan merasmikan pembukaan jejambat pejalan kaki untuk sekolah tersebut. SPRINT yang komited terhadap keselamatan kanak-kanak sekolah, telah membina sebanyak sembilan buah jejambat pejalan kaki di Lebuhrayanya, lima lebih daripada yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi.

## 30

LITRAK together with Y B Chew Mei Fun, Petaling Jaya Utara's Member of Parliament organise a road safety campaign together with residents' associations at Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP). Y B Donald Lim, Parliamentary Secretary to the Transport Ministry was present to officiate the event.

LITRAK bersama-sama dengan Y B Chew Mei Fun, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara menganjurkan kempen keselamatan jalanraya bersama persatuan penduduk di Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP). Y B Donald Lim, Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan hadir untuk merasmikan acara tersebut.

7 Julai *Julai*





## 7

The then Regent of Selangor Darul Ehsan, D Y T M Tengku Idris Shah who is now D Y M M Sultan Sharafuddin Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah presents new homes to 41 Orang Asli families at Kg Gerachi as part of the resettlement of Kg Gerachi and Kg Pertak residents in the construction of SSP3.

Raja Muda Selangor, D Y TM Tengku Idris Shah yang kini bergelar D Y M M Sultan Sharafuddin Idris ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menyerahkan kediaman baru kepada 41 keluarga Orang Asli di Kg Gerachi sebagai sebahagian daripada usaha pemindahan penduduk Kg Gerachi dan Kg Pertak yang terlibat dalam pembinaan SSP3.

## 14

LITRAK ended its week-long recycling campaign at its rest area at Bandar Sunway toll plaza with a ceremony officiated by Selangor Housing, Squatters and Environment Committee Chairman, Datuk Mokhtar Ahmad Dahlan.

LITRAK menamatkan Kempen Kitar Semulanya yang diadakan selama seminggu di kawasan rehat di plaza tol Bandar Sunway. Upacara ini telah dirasmikan oleh Datuk Mokhtar Ahmad Dahlan, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Setinggan dan Alam Sekitar negeri Selangor.

14 Julai *Julai*



July *Julai*

September *September*

30 May *Mei*



## 11

Minister of Human Resource, Y B Datuk Fong Chan Onn presents the annual Gamuda Scholarship Awards to six undergraduate students at local and foreign universities. Certificates of Competency were also presented to 36 crane operators trained at Gamuda Plant Operator (GPOS). Gamuda hopes to equip local construction workers with basic construction know-how and to improve their performance levels.

Menteri Sumber Manusia, Y B Datuk Fong Chan Onn menyampaikan Anugerah Biasiswa Gamuda kepada enam pelajar peringkat ijazah di universiti tempatan dan luar negeri. Turut disampaikan ialah Sijil Kekompetenan kepada 36 pengendali kren yang dilatih di Gamuda Plant Operator School (GPOS). Gamuda berharap dapat memperlengkapkan para pekerja pembinaan dengan kemahiran asas serta mempertingkatkan tahap prestasi mereka.

# STATEMENT OF DIRECTORS' RESPONSIBILITY FOR PREPARING THE FINANCIAL STATEMENTS



The Directors are required by the Companies Act 1965 to prepare financial statements for each financial year which have been made out in accordance with the applicable approved accounting standards and give a true and fair view of the state of affairs of the Group and Company at the end of the financial year and of the results and cash flows of the Group and Company for the financial year.

In preparing the financial statements, the Directors have :

- selected suitable accounting policies and applied them consistently;
- made judgments and estimates that are reasonable and prudent;
- ensured that all applicable accounting standards have been followed; and
- prepared financial statements on the going concern basis as the Directors have a reasonable expectation, having made enquiries, that the Group and Company have adequate resources to continue in operational existence for the foreseeable future.

The Directors have responsibility for ensuring that the Company keeps accounting records which disclose with reasonable accuracy the financial position of the Group and Company and which enable them to ensure that financial statements comply with the Companies Act 1965.

The Directors have overall responsibilities for taking such steps as are reasonably open to them to safeguard the assets of the Group to prevent and detect fraud and other irregularities.

Para Pengarah dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965 untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang telah disediakan selaras dengan piawaian perakaunan diterimapakai yang diluluskan dan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan ini dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan ini.

Dalam menyediakan penyata kewangan ini, para Pengarah telah:

- memilih dasar-dasar perakaunan yang sesuai dan mengamalkannya secara konsisten;
- membuat pertimbangan dan anggaran yang berpatutan dan berhemat;
- memastikan supaya semua piawaian perakaunan yang diterimapakai telah diikuti; dan
- menyediakan penyata kewangan berasaskan usaha perniagaan berterusan kerana para Pengarah mempunyai jangkaan berpatutan, setelah membuat persoalan yang menentukan bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk meneruskan kewujudan operasinya pada masa depan yang boleh dijangkakan.

Para Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan supaya Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang mendedahkan ketepatan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat dan yang membolehkan mereka memastikan supaya penyata kewangan mematuhi Akta Syarikat 1965.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya yang tersedia kepada mereka bagi melindungi harta Kumpulan supaya ia dapat membantu mencegah dan mengesan kesilapan dan pelanggaran peraturan.